



SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI SENI BINA

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)

GRED JAWATAN/GAJI : JA5

JADUAL GAJI:

GAJI MINIMUM RM 1,650.00	GAJI MAKSIMUM RM 6,620.00	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN RM 145.00
------------------------------------	-------------------------------------	---

ELAUN:

Imbuhan Tetap Khidmat Awam	: RM 160.00
Imbuhan Tetap Perumahan	: RM 300.00
Bantuan Sara Hidup	: RM 350.00

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred JA5 : RM1,731.00); atau
 - (ii) Diploma Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred JA5 : RM2,055.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN:

3. Berkebolehan dan berpengalaman dalam mengendalikan perisian teknikal seperti berikut :
 - a. Autocad;
 - b. Revit;
 - c. Perisian 3D Sketchup, Adobe Photoshop; dan
 - d. Microsoft Words, Excel dan Powerpoint.

TARAF JAWATAN : KONTRAK

LOKASI : UTM KUALA LUMPUR

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

- 1) Pemohon hendaklah membuat permohonan secara atas talian (*online*) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR dan menjawab soalan Inventori Personaliti Staf Sokongan Baru (IPSB) melalui laman web UTM.
- 2) Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
- 3) Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat dan permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses dan akan dianggap tidak berjaya.
- 4) Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
- 5) Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (**Pengesahan oleh Pegawai Kerajaan Gred A dan ke atas**)
- 6) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- 7) Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan/Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan Buku Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi terkini melalui pos kepada :

**Seksyen Sumber Manusia
Bahagian Pendaftar
Universiti Teknologi Malaysia
Jalan Sultan Yahya Petra
54100 Kuala Lumpur**

- 8) Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik akan diberikan keutamaan.
- 9) **PEROKOK ADALAH TIDAK DIGALAKKAN MEMOHON.**

DESKRIPSI TUGAS:

1. Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan bagi skop kerja seni bina termasuk melaksanakan penyediaan lukisan teknikal dan spesifikasi (termasuk perabot dan papan tanda).
2. Menyemak lukisan perunding, merekod dan menyelenggara lukisan, menyediakan study model, menyediakan reka bentuk, menyedia lakaran reka bentuk, menyediakan lukisan kerja dan lukisan perunding.
3. Memantau maklum balas penilaian teknikal, melaksanakan audit kualiti (reka bentuk)/audit seni bina pembinaan dan menyediakan laporan serta lain-lain tugas yang berkaitan aspek reka bentuk dan seni bina.

4. Bertanggungjawab ke atas Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pendirian Bangunan, Permohonan Pelan Susun Atur, Permohonan Kelulusan Landskap, Permohonan Pemasangan Papan Tanda Bangunan Komersial dan Bangunan Pejabat Kerajaan.
5. Menyelaras pengeluaran surat sokongan Perakuan Kelayakan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC), Permohonan Ubahsuai Bangunan, reka bentuk ruang pameran dan bahan-bahan pameran, ulasan cadangan pencahayaan bangunan dan ulasan cadangan reka bentuk dalaman bagi bangunan-bangunan di bawah penyeliaan jabatan serta lain-lain tugas yang berkaitan.

Tarikh kemaskini : 8/1/2025